

04 DEC 1999

KRUL CATAT SEJARAH KELUARKAN LIMA JURUTERBANG PERTAMA

LANGKAWI, 4 Dis (Bernama) -- Kelab Rekreasi Udara Langkawi (KRUL) mencatat sejarah apabila kumpulan pertama lima juruterbangnya menerima sayap penerbangan daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam satu majlis di perkarangan Jabatan Penerbangan Awam (JPA) Langkawi di sini hari ini.

Mereka ialah Jurutera kanan Aerospace Measat Zainuddin Abdul, 34, jurutera Aerospace Measat Syed Al Faizal Syed Mohamad 26, Pengurus JPA Langkawi Tahir Salleh, 44, ahli perniagaan Adnan Mat Radzi, 37, dan juruteknik KRUL Aziz Hussain 31.

Mereka merupakan juruterbang pertama yang berjaya dikeluarkan sejak penubuhan KRUL empat tahun lepas. Dr Mahathir adalah penaung KRUL.

Pada majlis yang sama, Dr Mahathir turut melancarkan pesawat Merlin GT milik KRUL yang dipasang di Langkawi.

Sementara itu, Timbalan Presiden KRUL Mansor Haji Ismail berkata lima juruterbang itu telah mengikuti kursus tiga bulan untuk mendapatkan Lesen Juruterbang Persendirian (PPL), yang dikendalikan oleh jurulatih KRUL Mej (B) Ahmad Radzi Hashim.

Katanya ini menandakan KRUL maju setapak lagi dalam bidang penerbangan dan berharap lebih ramai juruterbang dapat dikeluarkan di masa depan.

-- BERNAMA

ZI NH RI